

MEMORANDUM PERSEFAHAMAN

DI ANTARA

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA, MALAYSIA

DAN

ASOSIASI PROGRAM STUDI KEUANGAN DAN PERBANKAN SYARIAH,  
INDONESIA

DI ATAS PERSAHABATAN DAN KERJASAMA, GALAKAN PERSEFAHAMAN  
BERSAMA, AKADEMIK, KEBUDAYAAN DAN PEMIKIRAN SAINTIFIK SERTA  
PERTUKARAN KAKITANGAN

Memorandum Persefahaman ini ditandatangani

**DI ANTARA**

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA** (selepas ini dirujuk sebagai "UiTM"), sebuah institusi pengajian tinggi yang ditubuhkan di bawah Akta Universiti Teknologi MARA 1976 yang beralamat di Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin, Universiti Teknologi MARA, 40450 Shah Alam, Selangor, Malaysia dan bagi maksud Memorandum Persefahaman ini akan diwakili oleh Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka, termasuk wakil dan pemegang serah hak yang sah;

**DAN**

**ASOSIASI PROGRAM STUDI KEUANGAN DAN PERBANKAN SYARIAH** (selepas ini dirujuk sebagai "APSKPS"), sebuah institusi profesional yang beralamat di Jl. Prof. Dr. Hamka Kampus III Ngaliyan Semarang Jawa tengah Indonesia 50185 dan termasuk wakil dan pemegang serah hak yang sah;

(selepas ini dirujuk satu pihak sebagai "Pihak" dan kedua-dua pihak "Pihak-pihak")

**BAHAWASANYA**

- A. UiTM adalah sebuah institusi pengajian tinggi ternama di Malaysia yang mempunyai rekod baik di dalam kecemerlangan pendidikan dan penyelidikan dan mempunyai program usaha sama yang dinamik dengan pelbagai pihak antarabangsa.
- B. APSKPS adalah sebuah institusi profesional yang giat di dalam meningkatkan kebolehan pendidikan dan penyelidikan dan telah memasuki pelbagai kolaborasi dengan pihak lain bagi meningkatkan jaringan dan kerjasama akademik.
- C Pihak-pihak berhasrat untuk memasuki Memorandum Persefahaman ini untuk menyatakan niat dan mewujudkan kerjasama dan kolaborasi di antara Pihak-pihak berdasarkan terma-terma yang terkandung di sini.

**DENGAN INI ADALAH DIPERSETUJUI SEPERTI BERIKUT:**

**PERKARA 1: OBJEKTIF**

Tertakluk kepada terma-terma Memorandum Persefahaman ini dan undang-undang, peraturan-peraturan, dan polisi-polisi di negara masing-masing, Pihak-pihak akan berusaha untuk menguatkan, menggalakkan dan membangunkan bidang akademik, kebudayaan dan penyelidikan di antara Pihak-pihak di atas dasar keuntungan bersama dan saksama.

**PERKARA 2: BIDANG KERJASAMA**

- 2.1 Pihak-pihak bersetuju untuk menggalakkan aktiviti-aktiviti di bawah, khususnya, bagi menggalakkan kerjasama antarabangsa di dalam bidang akademik di dalam bidang-bidang berikut:
- a) pertukaran staf di antara fakulti dari setiap rakan institusi;
  - b) penerimaan pelajar-pelajar ijazah dan lepasan ijazah dari setiap rakan institusi untuk satu tempoh pengajian atau penyelidikan;
  - c mengadakan symposium, konferensi, kursus pendek dan mesyuarat berkenaan isu-isu penyelidikan;
  - d) pertukaran maklumat berkenaan perkembangan di dalam pendidikan, pembangunan pelajar dan institusi-institusi penyelidikan;
  - f) menguarkan maklumat dan aktiviti rakan universiti di bawah Memorandum Persefahaman ini di dalam tapak web Pihak-pihak (tertakluk kepada kebenaran bertulis bagi penggunaan logo, nama dan tanda dagangan mana-mana Pihak); dan
  - e) kerjasama di dalam apa-apa bidang lain seperti mana yang dipersetujui oleh Pihak-pihak dari semasa ke semasa.

- 2.2 Bagi tujuan perlaksanaan kerjasama mana-mana aktiviti yang disebut di dalam Klaus 2.1, Pihak-pihak bersetuju untuk memasuki perjanjian yang sah dan tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang telah dipersetujui bersama oleh Pihak-pihak.

### **PERKARA 3: ATURAN KEWANGAN**

- 3.1 Memorandum Persefahaman ini tidak akan memberi sebarang obligasi kewangan oleh satu Pihak ke atas Pihak satu lagi.
- 3.2 Sepanjang perlaksanaan Memorandum Persefahaman ini, setiap Pihak akan menanggung kos dan perbelanjaan sendiri.

### **PERKARA 4: KESAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN**

Memorandum Persefahaman ini hanya bertujuan merekodkan niat Pihak-pihak dan tidak akan menjadi atau membentuk apa-apa obligasi, samada secara nyata atau tersirat, yang boleh dikuat kuasakan di bawah undang-undang, samada di dalam atau luar negara.

### **PERKARA 5: TIADA HUBUNGAN AGENSI**

Tiada apa di dalam Memorandum Persefahaman ini boleh ditafsirkan sebagai membentuk satu perkongsian usaha sama atau apa-apa organisasi perniagaan yang formal di antara Pihak-pihak atau menjadikan satu Pihak sebagai agen kepada pihak satu lagi.

### **PERKARA 6: TARIKH KUAT KUASA DAN TEMPOH**

- 6.1 Memorandum Persefahaman ini akan berkuat kuasa pada tarikh Pihak-pihak menandatangan atau jika tarikh tersebut berbeza, pada tarikh yang terkemudian.

- 6.2 Memorandum Persefahaman ini akan berkuat kuasa selama TIGA (3) tahun.
- 6.3 Tempoh Memorandum Persefahaman ini boleh dilanjutkan untuk satu tempoh yang dipersetujui secara bertulis oleh Pihak-pihak.

### **PERKARA 7: PENAMATAN**

Memorandum Persefahaman ini boleh ditamatkan oleh mana-mana Pihak dengan memberi satu notis bertulis tidak kurang TIGA PULUH (30) hari.

### **PERKARA 8: NOTIS**

Sebarang komunikasi di bawah Memorandum Persefahaman ini hendaklah secara bertulis di dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris dan hendaklah dihantar secara perkhidmatan mel kurier ke alamat atau dihantar ke alamat email atau nombor faksimili Universiti Teknologi MARA atau APSKPS, yang mana terpakai, seperti yang dinyatakan di bawah atau alamat atau alamat email atau nombor faksimili lain yang telah diberi oleh satu Pihak kepada Pihak satu lagi dan akan, melainkan dinyatakan sebaliknya di sini, dianggap sebagai diterima sekiranya dihantar kepada penerima di alamat atau alamat email atau nombor faksimili yang telah diakui:

#### **Kepada Universiti Teknologi MARA:**

Alamat	Universiti Teknologi MARA Cawangan Melaka KM 26, Jalan Lendu, 78000 Melaka, Malaysia
Untuk perhatian	Rektor, UiTM Melaka
Tel.	+606-5582000
Faks.	+606-5582001
e-mail	<a href="mailto:rektormlk@uitm.edu.my">rektormlk @ uitm.edu.my</a>

Kepada Asosiasi Program Studi Keuangan dan Perbankan Syariah  
(APSKPS) Indonesia :

Alamat : Jl. Prof. Dr. Hamka Kampus III Ngaliyan Semarang Jawa  
Tengah Indonesia 50185

Untuk perhatian : Ketua APSKPS

Tel. 081234352058


Faks

e-mail heny\_yuningrum@walisongo.ac.id

[Terma-terma tamat]

**SEBAGAI MENYAKSIKAN PERKARA-PERKARA DI ATAS**, Memorandum Persefahaman ini telah di tandatangani secara dua salinan oleh wakil sah setiap Pihak.

Ditandatangani  
Untuk dan bagi pihak  
**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,  
MALAYSIA**

  
PROF. MADYA TS. DR. MOHD RASDI  
ZAINI  
Rektor  
UiTM Cawangan Melaka

Ditandatangani  
Untuk dan bagi pihak  
**ASOSIASI PROGRAM STUDI  
KEUANGAN DAN PERBANKAN  
SYARIAH, INDONESIA**




  
HENY YUNINGRUM, SE., M.SI  
Ketua  
APSKPS

Tarikh:

Tarikh.

Disaksikan oleh:

  
DR. NUR HAYATI BINTI ABD RAHMAN

Timbalan Rektor  
Bahagian Penyelidikan dan Jaringan  
Industri,  
UiTM Cawangan Melaka

Disaksikan oleh

  
CUT ERIKA ANANDA F,  
SE.,MBA

Ketua  
Bidang Koordinator Kerjasama  
dan Tracer Study,  
APSKPS